

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1996/97

YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Okttober/November 1996

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan ENAM soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. Huraikan lima daripada konsep berikut dengan memberikan contoh yang sesuai.

- (i) pengenkodan dan pendekodan
- (ii) khalayak massa dan khalayak aktif
- (iii) kawalan "allocative" dan operasional
- (iv) teks media
- (v) penulisan piramid terbalik
- (vi) periklanan dan perhubungan awam
- (vii) mekanisme pertahanan diri

(100 markah)

2. Bincangkan lima faktor yang mempengaruhi penghasilan bahan media. Jawapan anda harus juga menyatakan cadangan untuk mengatasi atau mengurangkan masalah yang ditimbulkan ekoran pengaruh lima faktor tersebut.

(100 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

3. Walau apa pun teknologi baru yang muncul, media cetak seperti yang kita kenali hari ini akan terus dapat bertahan. Hujahkan persetujuan atau bantahan anda dengan kenyataan di atas.

(100 markah)

4. Imej golongan lelaki di dalam iklan-iklan di Malaysia adalah lebih positif daripada imej golongan wanita. Bincangkan dakwaan di atas.

(100 markah)

5. Jelaskan konsep penyiaran tirus (narrowcasting) dan bincangkan kesan-kesannya kepada industri radio dan televisyen.

(100 markah)

6. Huraikan, beserta contoh, empat strategi utama yang digunakan oleh karyawan filem Hollywood untuk mengubah kepalsuan gambaran orang Indian Amerika dalam filem.

Pada pandangan anda adakah strategi sedemikian boleh digunakan oleh industri filem tempatan terhadap golongan etnik majoriti dan minoriti di Malaysia?

(100 markah)

-ooooOooo-